

Implementasi Kurikulum al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Melalui Kitab Bidayah al-Hidayah dalam Kerangka Pemikiran Tasawuf al-Ghazali

Implementation of al-Shayadah Al-Ulya Ulul Albab Curriculum Through the Book of Bidayah al-Hidayah in the Framework of al-Ghazali's Sufism Thought

Ahmad Handhalas Shamsuddin

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.
dalass84@gmail.com xxxxx

Che Zarrina Sa`ari

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.
zarrina@um.edu.my

Mohd Syukri Zainal Abidin

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.
syukri1990@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol52no1.1>

Abstract

The Malaysian Ministry of Education (MOE) has made strides in dignifying turath education in the mainstream curriculum in 2018. The turath curriculum is called the al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Curriculum (SUUA) which is currently implemented at Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu, Besut, Terengganu (SMIYTB). The SUUA curriculum is also a continuation of the Tahfiz Integrated Curriculum (KBT) which started in 2014 for selected students. In the SUUA Curriculum, there are Islamic Studies subjects that contain 4 main areas, namely the Tawhid, Fiqh, Akhlak and Sirah. Akhlak is a field of sufism that uses the book *Bidayah al-Hidayah* written by al-Ghazali as a curriculum according to the appropriateness that has been outlined. Al-Ghazali is a very famous figure in the Malay world, especially in the field of sufism. His writing is used as a curriculum, teaching and learning material, research and practiced by the community in the Malay world. The SUUA Curriculum, especially in the field of sufism, is very important in the development of students' morals and values as a generation of ulama. This study was conducted to see the comparison of the SUUA Curriculum in the subjects of Turath Dirasat Islamiah, especially the field of akhlak

with the book of *Bidayah al-Hidayah*. The study was conducted qualitatively with research on literature and document analysis. The results of the study found that in the SUUA Curriculum at SMIYTB through the subject of *Turath Dirasat Islamiah* in the field of akhlak, al-Ghazali's thought is implemented through the book *Bidayah al-Hidayah* to students. However, it was implemented selectively because the introductory chapter, the third chapter and the closing chapter were not placed from the original content of the book *Bidayah al-Hidayah*. Therefore, there is a need and recommendation to include the introductory chapter, the third chapter and the closing chapter from the original content of the book *Bidayah al-Hidayah* into the SUUA curriculum so that students can implement al-Ghazali's thought which is suitable for the upper secondary level.

Keywords: Curriculum al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab; *Bidayah al-Hidayah*; thought of sufism al-Ghazali

Abstrak

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengorak langkah dalam memartabatkan pengajian *turath* dalam kurikulum arus perdana pada tahun 2018. Kurikulum *turath* tersebut dinamakan dengan Kurikulum al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab (SUUA) yang ketika ini dilaksanakan di Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu, Besut, Terengganu (SMIYTB). Kurikulum SUUA juga merupakan kesinambungan daripada Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang telah bermula pada tahun 2014 bagi murid yang terpilih. Dalam Kurikulum SUUA terdapat mata pelajaran *Turath Dirasat Islamiah* yang mengandungi 4 bidang utama iaitu ilmu Tauhid, Fekah, Akhlak dan Sirah. Bidang akhlak merupakan bidang ilmu tasawuf yang menggunakan kitab *Bidayah al-Hidayah* penulisan al-Ghazali sebagai kurikulum mengikut kesesuaian yang telah gariskan. Al-Ghazali adalah tokoh yang sangat terkenal di Alam Melayu terutama dalam bidang tasawuf. Penulisan beliau dijadikan kurikulum, bahan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta dipraktikkan oleh masyarakat di Alam Melayu. Kurikulum SUUA terutama dalam bidang tasawuf sangat penting dalam pembinaan akhlak dan nilai murid sebagai generasi ulama. Kajian ini dijalankan untuk melihat perbandingan Kurikulum SUUA dalam mata pelajaran *Dirasat Islamiah* khususnya bidang akhlak dengan kitab *Bidayah al-Hidayah*. Kajian dijalankan secara kualitatif dengan penelitian terhadap literatur dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa dalam Kurikulum SUUA di SMIYTB melalui mata pelajaran *Turath Dirasat Islamiah* bidang akhlak mengimplementasikan pemikiran al-Ghazali melalui kitab *Bidayah al-Hidayah* kepada murid. Namun, ia diimplementasikan secara terpilih kerana tidak diletakkan bahagian Bab Pendahuluan, Bab Ketiga dan Bab

Penutup daripada isi kandungan asal kitab Bidayah al-Hidayah. Oleh yang demikian terdapat keperluan dan cadangan supaya dimasukkan Bab Pendahuluan, Bab Ketiga dan Bab Penutup daripada isi kandungan asal kitab Bidayah al-Hidayah ke dalam kurikulum SUUA agar murid dapat mengimplementasikan pemikiran al-Ghazali secara keseluruhan yang sesuai dengan peringkat menengah atas.

Kata Kunci: Kurikulum al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab; Bidayah al-Hidayah; Pemikiran Tasawuf al-Ghazali

Pengenalan

Kurikulum al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab (SUUA) adalah gabungan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), aliran sains dan pengajian kitab *turath* yang telah digariskan di peringkat menengah atas. Kurikulum SUUA merupakan satu program khas yang telah diperkenalkan di Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu (SMIYTB), Besut, Terengganu sebagai program lanjutan kepada murid aliran tahfiz yang terpilih.¹ Matlamat Kurikulum SUUA untuk melahirkan murid yang seimbang dan cemerlang berasaskan *naqli*, *'aqli* dan ilmu *turath*. Kurikulum SUUA juga bermatlamat untuk menyediakan pelapis generasi ulama dan cendekiawan Islam mengikut acuan Malaysia serta menghayati konsep Maqasid Syariah. Hal ini selari dengan tiga objektif yang dikehendaki oleh KPM iaitu pertama, melahirkan pelapis generasi ulama yang mempunyai kepakaran dalam agama Islam dan kehidupan; kedua, menampilkan pelapis generasi ulama yang memiliki sahsiah, akhlak dan keilmuan tinggi yang sebanding dengan tokoh-tokoh Islam ternama; dan ketiga, membentuk para ilmuwan Islam sebagai pakar rujuk agama Islam dalam dan luar negara.²

Kurikulum al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab (SUUA)

Kurikulum SUUA mula digunakan pada 1 Januari 2018 di SMIYTB. Kurikulum SUUA merupakan kurikulum untuk mencari bakat terbaik dalam kalangan murid KBT yang dipanggil “*cream of*

¹ Saiful Rafizan Jamil dan Mohamad Khairi Haji Othman, “Assessment and Recommendations on The Implementation of Tahfiz Integrated Curriculum (KBT),” *International Journal of Modern Education* 5(17) (2023), 455-466, doi:10.35631/IJMoe.517035.

² Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia, “Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2023” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023).

the cream” sebagaimana matlamat Kurikulum SUUA.³ Pengambilan murid Kurikulum SUUA dipilih melalui temu duga serta syarat minimum tahap pencapaian hafazan al-Quran sebanyak 20 juzuk. Semasa proses temu duga dilakukan, pihak KPM akan menguji aspek penguasaan Bahasa Arab, hafazan al-Quran dan pengetahuan am.⁴ Selain itu, pengambilan murid adalah terbuka kepada semua sekolah KBT sama ada sekolah kerajaan, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) atau sekolah swasta.⁵ Murid juga akan mempelajari 13 mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, Matematik Tambahan, Kimia, Fizik, Biologi, Hifz al-Quran, Turath al-Quran dan al-Sunnah, Turath Bahasa Arab, Turath Dirasat Islamiah serta Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Namun, mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan tidak termasuk ke dalam mata pelajaran peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala, waktu sesi persekolahan kurikulum SUUA bermula pada pukul 7.30 pagi hingga 4.30 petang.⁶

Keistimewaan Kurikulum SUUA terletak kepada pengajian kitab *turath* dalam tiga mata pelajaran, iaitu Turath al-Quran dan al-Sunnah, Turath Bahasa Arab dan Turath Dirasat Islamiah. Dalam mata pelajaran Turath al-Quran dan al-Sunnah terdapat tujuh kitab turath yang dipelajari antaranya Tafsir al-Jalalayn, Matn Tuhfah al-Athfal wa Matn al-Jazariyah fi al-Tajwid, Matn al-Shatibiyah, Taqrib al-Maa’ni fi Sharh Hirz al-Amani fi al-Qiraat al-Sab’ii, al-Manzhumah al-Baiquniyyah fi Musthalah al-Hadis, al-Taqirrat al-Saniyyah fi Halli al-faz al-Manzhumah al-Baiquniyyah, Kitab al-Arbain al-Nawawiyah, dan al-Wafi fi Sharh al-Arbain al-

³ Puan Nor Azzah binti Ibrahim (Bekas Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia), dalam temu bual dengan pengkaji, 10 Oktober 2023.

⁴ Kementerian Pendidikan Malaysia “Iklan pengambilan murid al-syahadah al-ulya-ulul albab,” laman sesawang KPM, dicapai 8 Oktober 2023, <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/iklan-pengambilan-murid-al-syahadah-al-ulya-ulul-albab-tingkatan-empat-4-ambilan-tahun-2023>.

⁵ Kementerian Pendidikan Malaysia “Iklan pengambilan murid al-syahadah al-ulya-ulul albab”.

⁶ Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al., “Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT): The Concept of Higher-Order Thinking Skills (HOTS) in Tahfiz Integrated Curriculum (KBT),” *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 4(2) (2020), 11–21; Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia, “Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2023.”

Nawawiyah.⁷ Mata pelajaran Turath Dirasat Islamiah mengandungi lima kitab *turath* yang harus dipelajari seperti Matn Ummu al-Barahin, Sharh Ummu al-Barahin, Mukhtasar Abi Syuja' al-Musamma Matn Ghayah al-Taqrīb aw Ghayah al-Ikhtisar, Fathu al-Qarib al-Mujib fi Sharh Alfaz al-Taqrīb, Bidayah al-Hidayah; dan Khulasah Nur al-Yaqin.⁸ Manakala, mata pelajaran Turath Bahasa Arab mengandungi tiga kitab *turath* yang wajib dipelajari oleh murid seperti Matn al-Ajurrumiyyah fi al-Nahu Wa al-Sorf, Matn al-Bina' wa al-Asas dan al-Tuhfah al-Saniyyah bi Sharh al-Muqaddimah al-Ajurrumiyyah.⁹ Berdasarkan kepada tiga mata pelajaran tersebut menunjukkan bahawa murid yang berada di kurikulum SUUA wajib mempelajari lima belas kitab *turath* yang digabungkan dalam tiga mata pelajaran.¹⁰

Di samping itu, dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) turut menggabungkan kaedah *turath* dan kontemporari. Kaedah *turath* yang diketengahkan adalah teknik *talaqqi*, teknik *harfan bi harfin* (perkataan demi perkataan), teknik tafsiran atau huraian intrabahasa, teknik *dhabit* (membuat catatan) dan teknik hafalan. Teknik *talaqqi* adalah pengajaran kitab *turath* dilakukan melalui interaksi dua hala secara langsung (*mubasharah*) serta bersemuka antara guru dan murid. Selain itu, teknik ini juga boleh dijalankan secara halaqah (murid duduk mengelilingi guru). Manakala, teknik *harfan bi harfin* (perkataan demi perkataan) adalah dengan memberi penekanan keseluruhan isi kandungan kitab *turath* yang diajar satu demi satu perkataan bermula dari permulaan kitab sehingga ke akhir. Teknik tafsiran atau huraian intrabahasa pula merupakan teknik pengajaran menggunakan bahasa pengantar dalam bahasa Arab sepenuhnya. Selain itu, teknik *dhabit* (membuat catatan) dengan mencatatkan perkara penting yang diajarkan oleh

⁷ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syhadah al-Ulya Ulul Albab Turath al-Quran Dan al-Sunnah Tingkatan 4 dan 5* (Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019), 16.

⁸ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syhadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4* (Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017), 19; Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Al-Syhadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 5* (Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018), 20.

⁹ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syhadah al-Ulya Ulul Albab Turath Bahasa Arab Tingkatan 4 dan 5* (Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018), 21.

¹⁰ Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia, "Surat Pekeliling Ikhtisar Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2023."

guru seperti menggunakan rumus (simbol) tertentu atau contoh tambahan untuk memahami *murad* (kehendak) sebenar pengarang kitab. Teknik hafalan adalah murid perlu menghafal matan terpilih atau dalil yang penting kemudian akan *tasmi`* (membaca hafalan) di hadapan guru untuk direkodkan.¹¹

Manakala, kaedah pengajaran kontemporari yang diterapkan adalah pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran kooperatif, sumbang saran (pemikiran secara imaginasi dan kreatif.), simulasi (seperti situasi sebenar), tunjuk cara, permainan, pembelajaran luar bilik darjah, pembelajaran konstruktivisme (menyokong pembelajaran sendiri), pembelajaran kontekstual (mengaitkan pelajaran dengan kehidupan seharian), kajian masa depan, aktiviti pemulihan dan aktiviti pengayaan (aktiviti tambahan). Justeru, gabungan berdasarkan kaedah pengajaran adalah kaedah *turath* dan kontemporari akan menghasikan impak yang lebih besar kepada murid untuk mencapai matlamat dan objektif oleh KPM.¹²

Turath Dirasat Islamiah Bidang Akhlak

Skop kajian ini memfokuskan kepada mata pelajaran Turath Dirasat Islamiah serta bidang akhlak berdasarkan kitab Bidayah al-Hidayah. Matlamat mata pelajaran Turath Dirasat Islamiah adalah seperti berikut:

“Turath Dirasat Islamiah bermatlamat melahirkan murid yang berilmu, beriman, bertakwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta menyumbang ke arah meningkatkan tamadun bangsa dan kesejahteraan negara demi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.”¹³

¹¹ Mohd Ridwan Razali, Mohd Muhiden Abd Rahman dan Mohamad Azrien Mohamed Adnan, “Pelaksanaan Pengajian Ilmu Hadith dalam Mata Pelajaran Turath al-Sunnah Kurikulum al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab: Satu Penilaian Awal,” *Al-Rā'iq* 4(2) (2021), 1–33.

¹² Kementerian Pendidikan Malaysia, *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016)*, 45–48.

¹³ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4, 2*.

Berdasarkan matlamat mata pelajaran Turath Dirasat Islamiah adalah untuk melahirkan murid yang tinggi akhlak dan budi pekerti berpandukan al-Quran dan al-Sunnah demi kebaikan dunia dan akhirat. Manakala, objektif khusus untuk bidang akhlak adalah seperti berikut:

“Memahami dan menghayati perkara yang berkaitan dengan akhlak Islamiah berdasarkan kitab Matan Bidayah al-Hidayah serta mengamalkan dalam kehidupan.”¹⁴”

Murid harus memahami, menghayati dan mengamalkan akhlak mulia dalam kehidupan seharian seperti yang telah dipelajari melalui kitab Bidayah al-Hidayah. Penekanan dalam kitab Bidayah al-Hidayah berkenaan niat yang ikhlas sebagai penuntut ilmu, memaknai adab sekeliling, membuat kebaikan dan meninggalkan kemungkaran untuk mencapai hakikat takwa kepada Allah SWT.¹⁵ Selain itu, pendekatan PdP yang digunakan adalah berdasarkan kepada tiga pendekatan penting iaitu standard kandungan (mi‘yar al-muhtawa), standard pembelajaran (mi‘yar al-ta‘alum), dan standard prestasi (mi‘yar al-injazat). Pendekatan ini berperanan penting dalam usaha untuk menyelaraskan kurikulum dan pentaksiran. Berikut adalah huraian mengenai (mi‘yar al-muhtawa) standard kandungan, (mi‘yar al-ta‘alum) standard pembelajaran dan (mi‘yar al-injazat) standard prestasi seperti Rajah 1.¹⁶ di bawah:

¹⁴ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah*.

¹⁵ Naremah Hameran et al., “Education from the Eyes of Our Children: Qualitative Exploration on Implementation of Quranic Component in the Ulul Albab Curriculum,” *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 8(4) (2019), 713-723, doi:10.6007/IJARPED/v8-i4/6695; Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4, 2*.

¹⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4, 20*.

Rajah 1: (*Mi'yar al-Muhtawa*) Standard Kandungan, (*Mi'yar al-Ta'alum*) Standard Pembelajaran dan (*Mi'yar al-Injazat*) Standard Prestasi

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahaptahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Sumber: DSKP al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab (SUUA) Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4

Pendekatan Turath Dirasat Islamiah Bidang Akhlak Tingkatan 4 dan Tingkatan 5

Pendekatan Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah bidang akhlak dibangunkan berdasarkan pendekatan (*Mi'yar al-Muhtawa*) Standard Kandungan, (*Mi'yar al-Ta'alum*) Standard Pembelajaran dan (*Mi'yar al-Injazat*) Standard Prestasi.¹⁷ Berikut Rajah 2. menunjukkan contoh pendekatan Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah tingkatan 4 ditulis dalam bidang akhlak:

Rajah 2: Pendekatan Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah Bidang Akhlak Tingkatan 4

معیار الإنجازات		معیار التعلم		معیار المحتوى
التفاصيل	المستويات			
ذكر مضمون آداب الاستيقاظ والنوم واللبس	1	بيان آداب الاستيقاظ من النوم	3.1.1	3.1 استنتاج الفهم من آداب الاستيقاظ والنوم واللبس
بيان مضمون آداب الاستيقاظ والنوم واللبس	2	بيان آداب النوم	3.1.2	واللبس استنتاجا صحيحًا

¹⁷ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah*.

تحليل مضمون آداب الاستيقاظ والنوم واللبس تحليلاً صحيحاً	3	بيان آداب اللبس	3.1.3
استخلاص مضمون آداب الاستيقاظ والنوم واللبس استخلاصاً صحيحاً	4	التحلي بالأخلاق الكرامة في الحياة	3.1.4
تقييم مضمون آداب الاستيقاظ والنوم واللبس تقييماً صحيحاً وملائمته	5		
استنتاج الفهم من مضمون آداب الاستيقاظ والنوم واللبس استنتاجاً صحيحاً وملائمته، وقدرته على أن يكون قدوة أو مرشداً للغير	6		

Sumber: DSKP SUUA Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4

Pada bidang akhlak tingkatan 4 murid akan mempelajari 14 bab, antaranya adab bangun pagi, adab tidur, adab memakai pakaian, adab memasuki tandas, adab berwuduk, adab mandi, adab tayamum, adab keluar dari masjid, adab masuk masjid, adab antara terbit matahari hingga tenggelam matahari, adab persediaan bagi sekalian solat, adab hari Jumaat, adab imam dan makmum serta adab puasa. Buku teks yang digunakan oleh murid ialah kitab

Bidayah al-Hidayah asal tanpa ubah suai. Selain itu, terdapat pemeringkatan penggunaan kata kerja dalam (Mi'yar al-Muhtawa) Standard Kandungan dan (Mi'yar al-Ta'alum) Standard Pembelajaran. Contoh, dalam (Mi'yar al-Muhtawa) Standard Kandungan menggunakan lafaz "al-istintaj" (kesimpulan), kemudian dikuatkan lagi dengan lafaz "istintaj sahihan" (satu kesimpulan yang tepat) di akhir pernyataan. Hal demikian menunjukkan bahawa PdP yang dijalankan harus meliputi topik yang dipelajari secara sempurna. Begitu juga (Mi'yar al-Ta'alum) Standard Pembelajaran menunjukkan pemeringkatan tahap berfikir dan tahap pengamalan murid daripada penggunaan perkataan "bayan" (menerangkan) konsep dan adab kepada *al-tahalli* (menghiasi) dalam amalan kehidupan.¹⁸

Begitu juga dengan (Mi'yar al-Injazat) Standard Prestasi tahap satu hingga enam menunjukkan bahawa terdapat pemeringkatan dari segi domain kognitif, domain psikomotor dan domain afektif yang ketara. Pendekatan tersebut merupakan pendekatan Taksonomi Bloom versi ubahan.¹⁹ (Mi'yar al-Injazat) Standard Prestasi merupakan salah satu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Pentaksiran adalah satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang melalui perancangan, pelaksanaan dan pelaporan oleh guru. Proses ini juga dilaksanakan secara formal dan tidak formal supaya kemenjadian murid dapat ditingkatkan secara maksimum. Selain itu, PBD harus dilaksanakan secara inklusif, autentik dan bersifat setempat.²⁰ Murid yang mendapat tahap satu dan tahap dua dinilai sebagai belum menguasai PdP tersebut. Guru harus merancang intervensi terhadap murid berkenaan supaya dapat mencapai minimum tahap penguasaan, iaitu pada tahap tiga dengan bantuan daripada ibu bapa, pihak sekolah dan rakan-rakan. Manakala murid yang mencapai tahap penguasaan minimum tahap tiga hingga enam dianggap telah mencapai tahap penguasaan

¹⁸ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah*, 49-52.

¹⁹ Lorin W Anderson dan David R Krathwohl, *A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives: Complete Edition* (Boston: Addison Wesley Longman, Inc., 2001), 100.

²⁰ Kalai Selvan Arumugham, "Kurikulum, Pengajaran Dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah," *Asian People Journal (APJ)* 3(1) (2020), 152-161, doi:10.37231/apj.2020.3.1.175.

mengikuti tafsiran yang telah dinyatakan.²¹ Berikut adalah Penyataan Tahap Penguasaan Akhlak seperti Jadual 1:

Jadual 1: Penyataan Tahap Penguasaan Akhlak

Tahap Penguasaan	Tafsiran
1	Menyatakan perkara asas tentang bidang akhlak.
2	Memahami tentang bidang akhlak.
3	Mengaplikasikan tentang bidang akhlak
4	Menganalisis tentang bidang akhlak serta mengamalkannya.
5	Menilai tentang bidang akhlak serta mengamalkannya.
6	Merumus kefahaman tentang bidang akhlak mengamalkannya dan boleh dicontohi atau membimbing orang lain.

Sumber: DSKP Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4 dan Tingkatan 5

Berdasarkan Jadual 1, menunjukkan bahawa pada tahap penguasaan ketiga, murid mampu mengaplikasikan bidang akhlak yang dipelajari setelah melalui proses PdP. Pada tahap penguasaan keempat pula murid mampu menganalisis bidang akhlak yang dipelajari serta mengamalkannya dalam kehidupan. Manakala, tahap penguasaan kelima pula murid mampu menilai dengan kreatif dan kritis pembelajaran bagi setiap tajuk bidang akhlak serta mengamalkannya dalam kehidupan. Tahap penguasaan tertinggi adalah tahap enam, iaitu murid mampu merumuskan kefahaman tentang bidang akhlak, tekal pengamalannya, menjadi contoh tauladan dan mampu membimbing serta menyebarkan ilmu tersebut kepada orang lain.²²

Manakala, bidang akhlak tingkatan 5 mengandungi 10 bab, iaitu menjauhi maksiat mata, menjauhi maksiat telinga, menjauhi maksiat lidah, menjauhi maksiat perut, menjauhi maksiat kemaluan, menjauhi maksiat tangan, menjauhi maksiat kaki, menjauhi hasad

²¹ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Pentaksiran Bilik Darjah*, Edisi ke-2 (Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019) 15-16.

²² Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syahadah al-Ulyah Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4*, 17.

dengki, menjauhi riyak serta menjauhi ujub. Oleh itu, dalam bidang akhlak tingkatan 5 pada permulaannya menyentuh tentang tujuh anggota zahir yang perlu dijaga dan menghindari perbuatan yang dilarang Allah SWT. Kemudian perbincangan beralih kepada makasiat batin atau makasiat hati yang merangkumi lima penyakit seperti yang dinyatakan di atas. Konsep bidang akhlak pada tingkatan 5 masih sama dengan tingkatan 4, namun terdapat sedikit perbezaan pada (Mi'yar al-Ta'alum) Standard Pembelajaran yang menggunakan perkataan “bayan” (menerangkan) konsep tentang cara menjauhi makasiat zahir dan batin. Setelah itu, penggubal kurikulum menggunakan istilah kepada *al-takhalli* (mengosongkan) akhlak mazmumah dalam kehidupan.²³

Penggunaan istilah *al-tahalli* (menghiasi) dan *al-takhalli* (mengosongkan) dalam DSKP Dirasat Islamiah menunjukkan konsep yang digunakan terbalik daripada konsep asal. Konsep asal menekankan *al-takhalli* (mengosongkan) yang pertama dan *al-tahalli* (menghiasi) yang kedua. Berdasarkan ijtihad ulama tasawuf bahawa peringkat *al-takhalli* (mengosongkan) mesti dipraktikkan pada permulaan proses *tazkiyyah al-nafs*. Setelah berjaya peringkat *al-takhalli* (mengosongkan) baru berpindah kepada peringkat *al-tahalli* (menghiasi) supaya lebih berkesan dalam pembangunan kerohanian. Justeru, penggubal kurikulum harus berhati-hati dalam menggunakan istilah tasawuf supaya penggunaannya tepat pada disiplin ilmu.²⁴

Al-Ghazali dan Pengaruh Pemikirannya di Alam Melayu

Nama penuh al-Ghazali ialah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi.²⁵ Beliau telah dilahirkan pada tahun 450H (1058M) di kampung Tabaran daerah Tus, Khurasan (Persia). Al-Ghazali dilahirkan dalam sebuah keluarga yang serba miskin tetapi bapanya mempunyai pandangan yang jauh dan sangat cintakan ilmu

²³ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 5*.

²⁴ Umaruddin Nasution & Casmini, “Integrasi Pemikiran Imam al-Ghazali & Ivan Pavlov Dalam Membentuk Perilaku Peserta Didik,” *Insania: Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan* 25(1) (2020), 103–113.

²⁵ ‘Abd al-Wahab bin ‘Ali bin ‘Abd al-Kafi al-Subki, *Tabaqat al-Shafi’iyyah al-Kubra* (Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-Arabiyyah, 1969) 6:10, 191.

pengetahuan.²⁶ Pendidikan al-Ghazali antara tahun 450H (1058M) hingga 478H (1085M) bermula di kota Tus dengan mempelajari al-Quran, ilmu asas agama, mendengar cerita tentang kesufian dan menghafal puisi cinta kesufian. Kemudian, al-Ghazali belajar dengan Ahmad al-Radkhani yang merupakan seorang yang guru fekah terkenal. Di samping itu, beliau telah mempelajari ilmu tasawuf di bawah bimbingan ahli sufi terkenal Yusuf al-Nassaj. Selepas itu, beliau ke Jurjan untuk menuntut dengan Abu Nasr al-Isma‘ili dalam bidang fekah dan menyalin pengajaran gurunya yang dinamakan *al-Ta‘liqah*. Pada tahun 474H (1081M), beliau telah menjadi murid kepada Imam al-Juwayni²⁷, ahli kalam yang sangat alim dan mahsyur pada zamannya di al-Madrasah al-Nizamiyyah di Naisabur. Beliau belajar di al-Madrasah al-Nizamiyyah selama tujuh tahun dan mencapai kefahaman dalam bidang ilmu kalam secara mendalam serta bidang falsafah. Pada masa yang sama, beliau mula menulis karya yang berjudul *al-Mankhul Min ‘Ilm al-Usul*.²⁸ Al-Ghazali juga mendalami bidang tasawuf daripada ahli sufi yang paling terkenal, Abu ‘Ali al-Farmadhani di Naysabur. Beliau telah belajar jalan kesufian dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai tahap yang lebih tinggi. Dikatakan juga al-Ghazali mula mengkaji tentang batiniah di Naysabur. Selepas kematian gurunya, al-Juwayni pada 478H (1085M), al-Ghazali pergi ke mahkamah (mu‘askar) Nizam al-Mulk.²⁹³⁰

Fasa pengajaran al-Ghazali antara tahun 478H (1085M) hingga 488H (1095M) di al-Madrasah al-Nizamiyyah sebagai profesor,

²⁶ Che Zarrina Sa‘ari, “Chronology of Abu Hamid al-Ghazali’s Life and Writing,” *Jurnal Usuluddin* (9) (1999), 57-59.

²⁷ Beliau ialah ‘Abd al-Malik ibn ‘Abd Allah ibn Yusuf ibn Muhammad ibn ‘Abd Allah ibn al-Hayyuyah al-Juwayni al-Naysaburi. Beliau dikenali sebagai Imam al-Haramayn dan Abu al-Macali. Gelaran Abu al-Macali ini bukan nisbah kepada anak (kunyah) sebaliknya ia lebih merujuk kepada ungkapan pujian (laqab) yang bermaksud bapa ketinggian. Manakala, sebahagian kitab beliau juga diberi gelaran dengan panggilan (laqab) Fakhr al-Islam yang bermaksud kebanggaan Islam dan Rukn al-Din yang bermaksud pasak agama. Gelaran ini merupakan pengiktirafan masyarakat pada masa itu kepada tokoh-tokoh yang dikagumi. Mohammad Zaini Yahaya & Muhammad Adib Samsudin, “Imam Al-Haramayn al-Juwayni dan Karya Agungnya ‘Nihayat Al-Mattlab fi Dirayat al-Madhhab” *Journal of ifta and Islamic heritage* 1(1) (2022), 3.

²⁸ Che Zarrina Sa‘ari, “Chronology of Abu Hamid al-Ghazali’s Life and Writing,” 59-60.

²⁹ H.C. Erlwein, “Al-Ghazali (Abu Hamid al-Ghazali),” in *Stud. Hist. Law. Justice*, vol. 22 (Springer Nature, 2023), 7–12, doi:10.1007/978-3-031-19542-6_2; Che Zarrina Saari, “A Chronology of Abu Hamid Al-Ghazali’s Life and Writings,” *Jurnal Usuluddin* (9) (1999), 59-60.

³⁰ Che Zarrina Saari, “A Chronology of Abu Hamid Al-Ghazali’s Life”, 61.

semakin hari beliau semakin popular sehingga dilantik sebagai Imam Khurasan, kemudian sebagai Imam Iraq. Al-Ghazali berusaha untuk melakukan reformasi intelektual dan ilmu kalam dari 483H (1090M) hingga (487H) 1094M. Selain itu, beliau juga merupakan tokoh besar fekah dalam mazhab Syafi'e sehingga diletakkan dalam kalangan *Ashab al-Wujuh* al-Shafi'iyyah.³¹ Pada masa yang sama, beliau juga menguasai ilmu falsafah melalui pembacaan dan penelitian sendiri.³² Kemudian, akhirnya al-Ghazali fokus secara serius kepada tasawuf setelah mengalami krisis epistemologi kerana krisis mewujudkan hubungan yang betul antara akal dan intuisi intelek kerana keraguannya terhadap data (*hissiyyat*) dan data rasional. Al-Ghazali berkata bahawa beliau terselamat daripada kemelut ini dengan hasil cahaya (nur) yang Allah SWT lemparkan ke dalam dadanya, tetapi bukan melalui hujah yang rasional atau dalil rasional. Beliau kemudian sekali lagi menerima data rasional tetapi menegaskan bahawa intuisi intelektual lebih unggul daripada akal dan krisisnya telah menyelamatkannya daripada menjadi pengikut (*al-taqlid*).³³

Karya al-Ghazali merangkumi pelbagai bidang iaitu fekah, *usul al-fiqh*, ilmu kalam, falsafah dan tasawuf. Berikut adalah antara kitab-kitab karangan beliau:

1. Karya dalam bidang fekah yang dikarang terdiri daripada: al-Basit, al-Wasit, al-Wajiz, Bayan al-Qaulayn, Tahsin al-Maakidh, al-Ghayah al-Qaswa, Ghawr al-Dawr, al-Fatawa, al-Qanun al-Kulli dan al-Khulasah.
2. Karya dalam bidang *usul al-fiqh*: al-Mustasfa, al-Maknun, dan al-Mankhul.³⁴
3. Karya dalam bidang ilmu kalam: al-Arba'in, al-Asma' al-Husna, al-Lubab al-Muntakhal,³⁵ al-Iqtisad fi al-I'tiqad,

³¹ Sayyid 'Alawi bin Ahmad bin Abd Rahman al-Saqaf, *al-Fawaid al-Makiyyah fi Ma Yahajjuh al-Talabah al-Shafi'iyyah* (Surabaya: al-Hidayah, t.t), 46.

³² Pandangan mereka bahawa badan tidak bangkit semula, dan Tuhan mengambil tahu tentang yang universal, bukan yang istimewa. Mereka juga mempunyai pendapat bahawa alam ini wujud dari selama-lamanya dan tidak akan pernah berakhir. Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Tusi al-Ghazali, *al-Munqidh min al-Dalal* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t), 35-38.

³³ Che Zarrina Saari, "A Chronology of Abu Hamid Al-Ghazali's Life and Writings," 62-63; Mohd Fakhruddin Abdul Mukti, "Al-Ghazzali and His Refutation of Philosophy," *Jurnal Usuluddin* 21 (2005), 3-14.

³⁴ Ditulis semasa Imam Haramayn masih hidup. 'Abd al-Wahab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi al-Subki, *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*, 6:10, 225.

³⁵ Untuk berdebat.

M'iyar al-Nazr, Mahak al-Nazr, Ijlam al-'Awam fi 'Ilm al-Kalam, 'Aqidah al-Misbah dan Mufasal al-Khilaf fi usul al-Qiyss.

4. Karya dalam bidang falsafah: Tahafut al-Falasifah dan Maqasid al-Falasifah;
5. Karya mengenai penolakan terhadap golongan batiniyyah: Shifa' al-Ghalil fi Bayan Masalik al-T'alil, al-Mustazhiri, Bayan Fada'ih al-Imamiyyah dan Qawasim al-Batiniyyah.
6. Karya dalam bidang tasawuf: Ihya' al-'Ulum al-Din, Mishkah al-Anwar, Kimiya' al-Sa'adah,³⁶ Jawahir al-Qur'an³⁷, Kash 'Ulum al-Akhirah, al-Risalah al-Qudsiyyah, Mizan al-'Amal, Hakikat al-Ruh, Kitab Asrar Mu'amalat al-Din, al-Manhaj al-'Ala, al-M'iraj, Akhlak al-Anwar, Hujjah al-Haq, Tanbih al-Ghafilin, Risalah al-Aqrab, Musallam al-Salatin, al-Qurbah ila Allah, Asrar Ittiba' al-Sunnah, Talbis Iblis, al-Mabadi wa al-Ghayat, Aja'ib sana' Allah, Risalah al-Tayr, al-Radd 'ala man Tagha, Ayyuha al-Walad dan Minhaj al-'Abidin³⁸.
7. Karya pelbagai ilmu dalam bentuk diari: al-Munqidh min al-Dalal.³⁹

Al-Ghazali terkenal sebagai seorang penulis yang berkaliber, mahir dan membawa banyak perubahan di pusat pengajian tinggi. Beliau telah digelar sebagai penghujah Islam (Hujjah al-Islam) dan perhiasan agama (Zayn al-Din).⁴⁰ Al-Ghazali akhirnya telah meninggal dunia pada 14 *Jamadi al-Akhir* 505 H bersamaan dengan 19 Disember 1111M ketika beliau berusia 55 tahun.⁴¹

³⁶ Dalam Bahasa Parsi.

³⁷ S. Ahmad & W.S.W. Abdullah, "al-Ghazali's Philosophy of Maqasid al-Quran and the Nature of Knowledge," *International Journal of Islamic Thought* 23 (2023), 126–127, doi:10.24035/ijit.23.2023.262.

³⁸ R. Firmansyah & A. Octavia, "Islamic Psychotherapy Model Based on Al-Ghazali's Minhajul Abidin," in *Islamic Psychol. - Integr. Dialogue: Psychol., Spiritual., Sci. and Arts* (Peter Lang AG, 2023), 113–120, <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-85160610725&partnerID=40&md5=30cd5e05754de5ea8fc90893d67a7018>.

³⁹ 'Abd al-Wahab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi al-Subki, *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*, 6:10, 224-227.

⁴⁰ Margaret Smith, *al-Ghazali The Mystic* (London: Luzac & Co, 1994), 9.

⁴¹ Mohd Fauzi Hamat, Mohd Hasrul Shuhari, Muhammad Hafizi Rozali dan Ahmad Hafiz Ali Makdom, "Pendalilan Naqli dan 'Aqli tentang Wujud Allah Menurut al-Ghazali Berdasarkan Kitab Ihya' 'Ulum al-Din," *Afkar* 23(1) (2021), 99-100.

Hubungan al-Ghazali dan alam Melayu sangat rapat dalam bidang tasawuf selepas karya beliau banyak digunakan dalam pelbagai bentuk. Syeikh Abdul Samad al-Falimbani menekankan keharusan masyarakat Melayu supaya berpegang dengan tasawuf yang dibawakan oleh al-Ghazali kerana penulisan beliau dalam semua bidang berpandukan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah. Pendekatan yang dibawakan oleh al-Ghazali berpandukan kepada penyatuan ilmu akidah, fekah dan tasawuf yang melengkapinya antara satu sama lain.⁴² Di samping itu, pengaruh penulisan al-Ghazali telah mempengaruhi manhaj yang digunakan oleh para ulama Melayu dalam penulisan kitab mereka antaranya oleh 'Abd al-Ra'uf al-Sinkili, al-Raniri, 'Abd al-Samad al-Falimbani, Zayn al-'Abidin Muhammad al-Fatan, Muhammad al-Nawawi bin 'Umar al-Bantani, Ahmad al-Fatani, Haji 'Abd al-Latif bin Haji Muhammad Nur al-Din, Syed Muhammad Naquib al-Attas dan ramai lagi. Sebahagian besar karya ulama Melayu mempunyai hubungan kuat dengan karya al-Ghazālī.⁴³ Sebagai contoh Kitab Bidayah al-Hidayah telah digunakan dalam penulisan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani untuk menghasilkan kitab Hidayah al-Salikin. Kitab Hidayah al-Salikin kelihatan mirip dari segi susunan bab, isi kandungan, pendekatan perbincangan masalah dan manhaj yang ditonjolkan. Tujuan penulisan Kitab Hidayah al-Salikin adalah berunsur dakwah kepada kaum Muslimin agar dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai pembaca dalam kalangan masyarakat Melayu yang tidak menguasai bahasa Arab dan untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.⁴⁴ Syeikh Abdul Samad al-Falimbani mengatakan bahawa:

“Ketahuilah olehmu wahai saudara kami yang menuntut bagi negeri akhirat bahawasanya kitab Bidayah al-Hidayah bagi imam al-Ghazali

⁴² Muhammad Ayman Al-Akiti & Zainul Abidin Abdul Halim, “A Glimpse on the Characteristics of Sufism and Its Major References in the Malay World,” *Afkar* 23(1) (2021), 309–44, doi: 10.22452/afkar.vol23no1.9.

⁴³ J. Burhanudin, “Nineteenth Century Kitāb Jawi Sufi Works in Pattani, Thailand: Mainstreaming Ethical Sufism of al-Ghazali,” *Al-Shajarah* 28(1) (2023), 54-55; Khalif Muammar A Haris and Rizky Febrian, “Post-Ghazali Islamic Philosophy in the Sunni and Shi 'ite Traditions,” *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 25(2) (2023), 35-40, doi: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no2.14>.

⁴⁴ Shohana Hussin, “Kitab Hidayah al-Salikin Karangan al-Falimbani: Analisis Naskhah dan Kandungan,” *Jurnal Usuluddin* (39) (2014), 71-109.

itu telah menghimpunkan bagi ilmu yang membawa kepada takut akan Allah Ta'ala..."⁴⁵

Pernyataan yang dibuat oleh Syeikh Abdul Samad al-Falimbani merupakan satu penegasan supaya *manhaj* al-Ghazali dijadikan pegangan dalam kehidupan. Hal ini dikuatkan lagi dengan terdapat salasilah pengajian daripada ulama di Tanah Melayu dengan al-Ghazali. Ahmad al-Qushashi dan Ibrahim al-Kurani merupakan antara ulama yang mempunyai hubungan keguruan dengan ulama Melayu pada zaman dahulu. Dalam kalangan ulama Melayu yang belajar dengan Syeikh al-Kurani antaranya Syaikh Abd al-Ra'uf Singkel. Syaikh Muhammad Yasin al-Fadani turut menyatakan bahawa kitab al-Ghazali seperti *Ihya' 'Ulum al-Din*, *Minhaj al-'Abidin*, *Bidayah al-Hidayah* dan *al-Hikmah fi Makhluqat Allah* yang diterima melalui gurunya, Syaikh Muhammad Ali al-Maliki yang bersambung dengan Syaikh Ahmad al-Ramli berdasarkan sanad *al-Kurani* daripada al-Ghazali.⁴⁶

Penulisan kitab *Hidayah al-Salikin* telah dinukilkan daripada 18 ulama besar dunia Islam dan 27 kitab yang muktabar,⁴⁷ namun pandangan al-Ghazali didahulukan serta paling kerap dirujuk berbanding ulama lain seperti Muhammad al-Samman al-Madani, 'Abdal-Wahhab al-Sha'rani, 'Abd Allah al-Idrus dan al-Qushayri. Kecenderungan beliau terhadap al-Ghazali menunjukkan bahawa

⁴⁵ Abdul Samad al-Palimbani, *Hidayah al-Salikin* (Patani: Matbaah Bin Halabi, t.t.), 4.

⁴⁶ Mohd Fauzi Hamat and Mohd Hasrul Shuhari, "Al-Ghazali's Thought on Ethics of Living in the Society Based on *Bidayah Al-Hidayah*," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7, no. 6 (July 30, 2017): 846-857, doi:10.6007/IJARBS/v7-i6/3043.

⁴⁷ Abu Hamid Muhammad al-Ghazali, 1. *Bidayah al-Hidayah*, 2. *Minhaj al-'Abidin*, 3. *Ihya' 'Ulum al-Din*, 4. *Al-'Arba'in fi Usul al-Din*; (2) 'Abd al-Wahhab al-Sha'rani, 5. *Yawaqit wa al-Jawahir*, 6. *Madaris al-Salikin*, 7. *Durar al-Jawahir*, 8. *Uhud al-Mashayikh*, 9. *Uhud al-Muhammadiyah*; (3) Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari, 10. *Kitab al-Hikam*; (4) Ibn 'Ibad, 11. *Sharh al-Hikam*; 5. 'Ata' Allah al-Sakandari, 12. *Miftah al-Falah*, 13. *Al-Tanwir filsqat al-Tadbir*; (6) 'Abd al-Qadir 'Aydarus, 14. *Al-Durr al-Thamin*; (7) 'Abd Ra'uf bin 'Ali al-Fansuri, 15. *Umdah al-Muhtajin*; (8) Al-Suhrawardi, 16. 'Awarif al-Ma'arif; (9) 'Abd al-Karim al-Qushayri, 17. *Risalah al-Qushairiyah*; (10) Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Sammanal-Madani, 18. 'Urwah al-Wuthqa, 19. *Nafahah al-Ilahiyah*; (11) Ahmad al-Qushashi, 20. *Bustan al-'Arifin*; (12) Ibrahim al-Kurdi, 21. *Iqadh al-Qawabil*; (13) Sayyid 'Abd Allah al-Haddad, 22. *Nasa'ih al-Diniyyah*; (14) 'Abd al-Qadir al-Faqihi, 23. *Sharh Bidayah al-Hidayah*; (15) Taj al-Din al-Subki, 24. *Al-Tarshih fi Salah al-Tasbh*; (16) Zakariyya al-Ansari, 25. *Sharh al-Rawdah*; (17) 'Abd al-Mu'ti, 26. *Sharh Matan Jawhar al-Tawhid*; dan (18) 'Ali al-Mursafi, 27. *Minhaj al-Salik*. Wan Mohd. Saghir Abdullah, *Syeikh Abdus Shamad Palembang: Ulama' Shufi dan Jihad Dunia Melayu* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1996), 126-127.

pengaruh dan pendekatan tasawuf diterima dengan baik oleh ulama di Alam Melayu.⁴⁸ Selain itu, pendekatan yang digunakan juga mampu meningkatkan spiritual, emosi yang stabil dan mengembalikan adab kesantunan dalam kalangan masyarakat Islam.⁴⁹ Pada masa kini, masyarakat Islam di Malaysia telah didedahkan secara meluas tentang pengaruh pemikiran al-Ghazali melalui pembacaan, kursus, seminar, majlis ilmu dan sebagainya. Oleh itu, mereka mudah menerima dan mengamalkan pendekatan yang diterapkan dalam kitab-kitab al-Ghazali.⁵⁰⁵¹

Al-Ghazali telah menulis kitab *Bidayah al-Hidayah* sebagai panduan penuntut ilmu supaya ikhlas dalam menuntut ilmu kerana syaitan sentiasa akan mencuba sedaya upaya untuk memesongkan niat yang baik. Al-Ghazali juga telah membahagikan penuntut ilmu kepada tiga golongan⁵²:

Pertama: Golongan yang menuntut ilmu hanya semata-mata kerana Allah SWT. Golongan ini akan menjadi golongan yang beruntung.⁵³

Kedua: Golongan yang mencari ilmu bertujuan untuk keuntungan dunia sahaja, namun menyedari niat tersebut adalah salah. Golongan ini harus bertaubat dengan segera dan membetulkan niat kerana dibimbangi mati dalam pengakhiran yang tidak baik. Jika sempat bertaubat, maka golongan ini boleh dimasukkan dalam golongan yang beruntung.⁵⁴

Ketiga: Golongan yang mencari ilmu untuk kemegahan dan harta dunia semata-mata. Golongan ini juga terpedaya dengan

⁴⁸ Shohana Hussin, "Kitab Hidayah al-Salikin Karangan al-Falimbani: Analisis Naskhah dan Kandungan", 99.

⁴⁹ Shohana Hussin, "Kaedah Pendidikan Kerohanian Insan dalam Manuskrip Hidayah Al-Salikin," *Jurnal Sains Insani* 8(1) (2023), 64–70.

⁵⁰ Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari, "Pengaruh Pemikiran Al-Ghazali (M. 505 H/1111M) dalam Karya Syeikh Muhammad Nafis bin Idris Al-Banjari: Analisis Terhadap Kitab Al-Durr Alnafis," *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* 23(1) (2012), 229; Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari, "Al-Ghazali's Thought on Ethics of Living in the Society Based on *Bidayah Al-Hidayah*," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(6) (2017), 846–857.

⁵¹ Mohd Fauzi & Mohd Hasrul, "Al-Ghazali's Thought on Ethics of Living", 846-857.

⁵² Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *Bidayah Al-Hidayah* (Jeddah: Dar Minhaj, 2004), 59.

⁵³ Abu Hamid al-Ghazali, *Bidayah al-Hidayah*, 63.

⁵⁴ Abu Hamid al-Ghazali, *Bidayah al-Hidayah*.

menyangka bahawa akan mendapat kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT. Golongan ini termasuk golongan yang telah ditipu daya oleh syaitan dan pintu taubat masih terbuka, namun tipis untuk bertaubat kerana merasakan apa yang dibuat adalah tepat dan betul.⁵⁵ Justeru, jaminan supaya penuntut ilmu berada dalam golongan yang pertama adalah ketakwaan kepada Allah SWT. Ketakwaan pada zahir dan batin yang meliputi ketaatan kepada Allah SWT dan menjauhi laranganNya.⁵⁶

Peri penting pembelajaran kitab Bidayah al-Hidayah dalam pembangunan akhlak yang mulia telah diberikan penerangan yang jelas oleh al-Ghazali semasa pendahuluan kitab iaitu ketakwaan. Kemudian, beliau membawa separuh dimensi ketakwaan pada Bab Pertama tentang pematuhan perintah kepada Allah SWT yang mengandungi empat belas adab seperti bidang akhlak tingkatan 4. Manakala, Bab Kedua pula tentang keharusan menjauhi maksiat secara zahir dan batin yang lebih susah dan perlu mujahadah berbanding Bab Pertama seperti yang dinyatakan dalam bidang akhlak tingkatan 5 yang mengandungi 10 bab. Manakala, Bab Ketiga menyentuh tentang tujuh adab pergaulan dan persahabatan dengan *khaliq* (Tuhan) dan dengan makhluk. Pertama, adab dengan Allah SWT; kedua, adab seorang guru; ketiga, adab seorang murid; keempat, adab dengan ibu bapa; kelima, adab dengan manusia; keenam, adab dengan orang yang tidak dikenali; dan ketujuh, adab dengan sahabat karib. Pada Bab Penutup al-Ghazali mengingatkan lagi tentang keperluan seseorang untuk mencapai hakikat takwa dan niat yang betul dalam perjalanan menuntut ilmu. Daripada lima bab tersebut dapat disimpulkan bahawa jika mengamalkan kesemua saranan al-Ghazali, penuntut ilmu akan menjadikan seorang yang alim lagi bertaqwa kepada Allah SWT.⁵⁷

Kesesuaian penggunaan kitab Bidayah al-Hidayah di aalam Melayu telah bermula dengan pesat sejak penterjemahan dilakukan oleh Abdul Samad al-Falimbani yang menghasilkan kitab Hidayah al-Salikin. Teks pengajian kitab Bidayah al-Hidayah yang menggunakan teks bahasa Arab kebanyakan dipelajari di pondok, madrasah dan pengajian *halaqah*. Manakala, pengajian kitab

⁵⁵ Abu Hamid al-Ghazali, *Bidayah al-Hidayah*, 64.

⁵⁶ Abu Hamid al-Ghazali, *Bidayah al-Hidayah*.

⁵⁷ Suhaimi, "Kandungan Pendidikan Akhlak Dalam Kitab Bidayah al-Hidayah," *TADRIS: Jurnal Pendidikan Islam* 10(2) (2015), 282, doi:10.19105/tjpi.v10i2.830.

Hidayah al-Salikin yang menggunakan teks bahasa Melayu dipelajari secara meluas di pondok, madrasah, sekolah, pengajian *halaqah*, masjid, surau dan pelbagai tempat lagi. Justeru, memandangkan pengajian kitab Bidayah al-Hidayah telah lama bertapak di alam Melayu, KPM telah mengorak langkah dengan meletakkan kitab tersebut sebagai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah bagi bidang akhlak.⁵⁸

Implementasi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Bidang Akhlak dengan Kitab Bidayah al-Hidayah

Persamaan Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah bidang akhlak dengan kitab Bidayah al-Hidayah adalah menggunakan kitab yang sama oleh al-Ghazali. Kitab tersebut dijadikan sebagai buku teks untuk mata pelajaran tersebut. Manakala, perbezaan antara Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah bidang akhlak dengan kitab Bidayah al-Hidayah adalah Bab Pendahuluan, Bab Ketiga dan Bab Penutup yang tidak dimasukkan dalam Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah bidang akhlak.⁵⁹ Sebagai perbandingan yang lebih empirikal, Jadual 2. menunjukkan kepada perincian implementasi Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah bidang akhlak Tingkatan 4 dan 5 dengan kitab Bidayah al-Hidayah seperti di bawah:

⁵⁸ Mohd Fauzi & Mohd Hasrul, "Al-Ghazali's Thought on Ethics of Living", 849-855; Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4*.

⁵⁹ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4*; Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 5*.

Jadual 2. Perincian Implementasi Pemikiran Tasawuf al-Ghazali Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah SUUA Bidang Akhlak Tingkatan 4 dan 5 dengan Kitab *Bidayah al-Hidayah*

Kitab Bidayah al-Hidayah	KSSM SUUA Bidang Akhlak Tingkatan 4 Ya/ Tidak	KSSM SUUA Turath Dirasat Islamiah Bidang Akhlak Tingkatan 5 Ya/ Tidak	Implementasi Pemikiran Tasawuf al-Ghazali
Bab Pendahuluan	Tidak		Tidak Implementasi
Bab Satu	Ya		Implementasi
Bab Dua		Ya	Implementasi
Bab Ketiga	Tidak		Tidak Implementasi
Bab Penutup	Tidak		Tidak Implementasi

Sumber: Kitab Bidayah al-Hidayah, DSKP Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4 dan DSKP Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 5

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa hanya dua daripada lima bab sahaja dalam kitab Bidayah al-Hidayah diimplementasikan sebagai pemikiran tasawuf al-Ghazali dalam Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah bidang akhlak, iaitu pada Bab Satu (tingkatan 4) dan Bab Dua (tingkatan 5). Manakala, tiga bab tidak diimplementasi dalam Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah bidang akhlak tingkatan 4 dan 5, iaitu pada Bab Pendahuluan, Bab Ketiga dan Bab Penutup. Oleh itu, huraian lebih terperinci tentang kitab Bidayah al-Hidayah Bab Satu dan KSSM SUUA Turath Dirasat Islamiah bidang akhlak Tingkatan 4 di Jadual 3.

Jadual 3. Perincian Implementasi Pemikiran Tasawuf al-Ghazali Kitab Bidayah al-Hidayah Bab 1 dengan Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah SUUA Bidang Akhlak Tingkatan 4

Bil	Kitab Bidayah al-Hidayah (Bab 1)	KSSM SUUA Turath Dirasat Islamiah Bidang Akhlak Tingkatan 4	Implementasi Pemikiran Tasawuf al-Ghazali
1.	Adab Bangun Pagi	Adab Bangun Pagi	√
2.	Adab Tidur	Adab Tidur	√

3.	Adab Memakai Pakaian	Adab Memakai Pakaian	√
4.	Adab Memasuki Tandas	Adab Memasuki Tandas	√
5.	Adab Berwuduk	Adab Berwuduk	√
6.	Adab Mandi	Adab Mandi	√
7.	Adab Tayamum	Adab Tayamum	√
8.	Adab Keluar dari Masjid	Adab Keluar dari Masjid	√
9.	Adab Masuk Masjid	Adab Masuk Masjid	√
10.	Adab antara Terbit Matahari Hingga Tenggelam Matahari	Adab antara Terbit Matahari Hingga Tenggelam Matahari	√
11.	Adab Persediaan bagi Sekalian Solat	Adab Persediaan bagi Sekalian Solat	√
12.	Adab Hari Jumaat	Adab Hari Jumaat	√
13.	Adab Imam dan Makmum	Adab Imam dan Makmum	√
14.	Adab Puasa	Adab Puasa	√

Sumber: Kitab Bidayah al-Hidayah dan DSKP Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4

Manakala, huraian lebih terperinci tentang kitab Bidayah al-Hidayah Bab 2 dan KSSM SUUA Turath Dirasat Islamiah bidang akhlak Tingkatan 5 di Jadual 4.

Jadual 4. Perincian Implementasi Pemikiran Tasawuf al-Ghazali Kitab Bidayah al-Hidayah Bab 2 dengan Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah SUUA Bidang Akhlak Tingkatan 5

Bil	Kitab Bidayah al-Hidayah (Bab 1)	KSSM SUUA Turath Dirasat Islamiah Bidang Akhlak Tingkatan 4	Implementasi Pemikiran Tasawuf al-Ghazali
1.	Menjauhi Maksiat Mata	Menjauhi Maksiat Mata	√
2.	Menjauhi Maksiat Telinga	Menjauhi Maksiat Telinga	√
3.	Menjauhi Maksiat Lidah	Menjauhi Maksiat Lidah	√
4.	Menjauhi Maksiat Perut	Menjauhi Maksiat Perut	√
5.	Menjauhi Maksiat Kemaluan	Menjauhi Maksiat Kemaluan	√
6.	Menjauhi Maksiat Tangan	Menjauhi Maksiat Tangan	√

7.	Menjauhi Maksiat Kaki	Menjauhi Maksiat Kaki	√
8.	Menjauhi Hasad Dengki	Menjauhi Hasad Dengki	√
9.	Menjauhi Riyak	Menjauhi Riyak	√
10.	Menjauhi Ujub	Menjauhi Ujub	√

Sumber: Kitab Bidayah al-Hidayah dan DSKP Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 5

Kemudian, tiga bab yang tidak implementasi kitab Bidayah al-Hidayah diterangkan dengan lebih terperinci dalam Jadual 5.

Jadual 5. Perincian Implementasi Pemikiran Tasawuf al-Ghazali Kitab Bidayah al-Hidayah Bab Pendahuluan, Bab 3 dan Bab Penutup dengan Kurikulum SUUA Turath Dirasat Islamiah SUUA Bidang Akhlak Tingkatan 4 dan 5

Bil	Kitab Bidayah al-Hidayah (Bab Pendahuluan)	KSSM SUUA Turath Dirasat Islamiah Bidang Akhlak Tingkatan 4 dan 5	Implementasi Pemikiran Tasawuf al-Ghazali
1.	Tujuan Kitab	Tiada dalam DSKP	X
2.	Golongan Penuntut Ilmu	Tiada dalam DSKP	X
3.	Hakikat Taqwa	Tiada dalam DSKP	X
Bil	Kitab Bidayah al-Hidayah (Bab 3)	KSSM SUUA Turath Dirasat Islamiah Bidang Akhlak Tingkatan 4 dan 5	Implementasi Pemikiran Tasawuf al-Ghazali
1.	Abad dengan Pencipta	Tiada dalam DSKP	X
2.	Adab Seorang Guru	Tiada dalam DSKP	X
3.	Adab Seorang Murid	Tiada dalam DSKP	X
4.	Adab dengan Ibu Bapa	Tiada dalam DSKP	X
5.	Adab dengan Manusia	Tiada dalam DSKP	X
6.	Adab dengan Orang yang Tidak Dikenali	Tiada dalam DSKP	X
7.	Adab dengan Sahabat Karib	Tiada dalam DSKP	X
8.	Adab dengan Orang yang Dikenali (Bukan Sahabat Karib)	Tiada dalam DSKP	X
Bil	Kitab Bidayah al-Hidayah (Bab Penutup)	KSSM SUUA Turath Dirasat Islamiah Bidang Akhlak Tingkatan 4 dan 5	Implementasi Pemikiran Tasawuf al-Ghazali
1.	Penutup Kitab	Tiada dalam DSKP	X

Sumber: Kitab Bidayah al-Hidayah, DSKP Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4 dan DSKP Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 5

Berdasarkan Jadual 3 dan 4 menunjukkan bahawa terdapat perincian implementasi kitab Bidayah al-Hidayah sebanyak 17 bab daripada Bab 1 dan Bab 2. Kemudian jadual 5 menunjukkan tentang tidak diimplementasi kitab Bidayah al-Hidayah sebanyak 12 bab daripada Bab Pendahuluan, Bab 3 dan Bab Penutup. Ukuran implementasi adalah kerana terdapat kandungan yang sama dalam kitab Bidayah al-Hidayah dengan DSKP SUUA Turath Dirasat Islamiah. Manakala, ukuran tidak implementasi kitab Bidayah al-Hidayah kerana tiada kandungan tersebut dalam DSKP SUUA Turath Dirasat Islamiah. Justeru, dapatan ini membuktikan bahawa terdapat kelompangan yang besar dalam mengimplementasi pemikiran tasawuf al-Ghazali kerana 41% kandungan kitab tidak dipelajari sepenuhnya oleh murid-murid di Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu (SMIYTB), Besut, Terengganu.

Implikasi Kajian

Hasrat daripada penulisan artikel ini bertujuan untuk mengkaji implementasi pemikiran tasawuf al-Ghazali dalam Kurikulum SUUA dalam mata pelajaran Turath Dirasat Islamiah khususnya bidang akhlak tingkatan 4 dan 5. Pendedahan berkaitan kurikulum ini amat penting bagi pembinaan pembangunan murid sebagai pelapis ulama dan cendekiawan Islam selaras dengan matlamat Kurikulum SUUA dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Di samping itu juga, kajian ini dapat memberikan pendedahan tentang hubung kait antara kurikulum dan pentaksiran yang perlu dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam Kurikulum SUUA dengan melihat kepada DSKP pada bahagian standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Penguasaan DSKP dan kitab *turath* ini amat penting bagi memastikan guru mengajar mengikut landasan yang sepatutnya. Setelah GPI SUUA menguasai DSKP dan kitab *turath*, GPI SUUA juga dapat mengetahui bagaimana mengimplementasi pemikiran tasawuf al-Ghazali dalam pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan supaya tujuan al-Ghazali dalam kitab Bidayah al-Hidayah dapat dicapai sepenuhnya.

Cadangan

Oleh yang demikian, terdapat keperluan dan cadangan supaya dimasukkan dalam pembinaan kurikulum akan datang berkaitan Bab Pendahuluan, Bab Ketiga dan Bab Penutup daripada isi kandungan asal kitab Bidayah al-Hidayah supaya murid dapat mengimplementasikan pemikiran al-Ghazali secara sepenuhnya dalam pembinaan pelapis ulama.

Penutup

Berdasarkan hasil perbincangan, dapat dirumuskan bahawa kerangka Kurikulum SUUA dalam mata pelajaran Turath Dirasat Islamiah khususnya bidang akhlak tingkatan 4 dan 5 telah dibangunkan bertepatan dengan hasrat matlamat dan objektif Kurikulum SUUA yang ingin melahirkan modal insan sebagai ulama dan ilmuwan Islam yang menjadi rujukan dalam dan luar Negara. Namun, terdapat kelompangan sekiranya isi kandungan kitab Bidayah al-Hidayah tidak diajarkan sepenuhnya dalam proses PdP kerana murid tidak dapat mengimplementasi pemikiran tasawuf al-Ghazali secara keseluruhan. Justeru, pandangan atau tasawwur (*world view*) tasawuf al-Ghazali sangat penting bagi generasi yang akan menjadi pelapis ulama dan ilmuwan Islam supaya keaslian serta *manhaj* yang betul dan benar dapat dibentuk agar dapat memberikan impak yang positif kepada agama, bangsa dan Negara.

Penghargaan

Artikel ini dibiayai oleh University Grant (Geran Khas Penyelidikan API) - UMG004L-2023 (Nombor Projek). Kami berterima kasih kepada pembiaya dan semua pihak yang memberikan bantuan dan pandangan yang banyak dalam membantu artikel ini.

Rujukan

- Abdul Samad al-Palimbani. *Hidayah Al-Salikin*. Patani: Matbaah Bin Halabi, t.t.
- Ahmad, S., & Abdullah, W. S. W. "Al-Ghazali's Philosophy of Maqasid al-Quran and the Nature of Knowledge". *International Journal of Islamic Thought* 23 (2023): 126-127. doi:10.24035/ijit.23.2023.262.

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. *Bidayah Al-Hidayah*. Jeddah: Dar Minhaj, 2004.
- Anderson, Lorin W, & David R Krathwohl. *Taxonomi untuk Pembelajaran, Pengajaran, dan Penilaian: Penyelarasan Semula Taxonomi Objektif Pendidikan Bloom: Edisi Lengkap*. Boston: Addison Wesley Longman, Inc., 2001.
- Arumugham, Kalai Selvan. “Kurikulum, Pengajaran, dan Penilaian dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran di Bilik Darjah”. *Asian People Journal (APJ)* 3(1) (2020): 152-61. doi:10.37231/apj.2020.3.1.175.
- Che Zarrina Sa`ari. “Kronologi Hidup dan Tulisan Abu Hamid Al-Ghazali”. *Jurnal Usuluddin* (9) (1999): 57-72.
- Erlwein, H.C. “Al-Ghazali (Abu Hamid al-Ghazali)”. In *Studies in the History of Law and Justice*, vol. 22. Springer Nature, 2023. 7–12. doi:10.1007/978-3-031-19542-6_2.
- Firmansyah, R., & Octavia, A. “Islamic Psychotherapy Model Based on Al-Ghazali’s Minhajul Abidin”. In *Islamic Psychology - Integrating Dialogue: Psychology, Spirituality, Science, and Arts*, Peter Lang AG, 2023, 113–120. URL: <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-85160610725&partnerID=40&md5=30cd5e05754de5ea8fc90893d67a7018>.
- Jajat Burhanudin. “Nineteenth Century Kitab Jawi Sufi Works in Pattani, Thailand: Mainstreaming Ethical Sufism of al-Ghazali”. *Al-Shajarah* 28(1) (2023): 51-72.
- Mohd Fakhruddin Abdul.Mukti. “Al-Ghazzali dan Penolakannya terhadap Falsafah”. *Jurnal Usuluddin* 21 (2005): 1–22.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari. “Pemikiran al-Ghazali tentang Etika Hidup dalam Masyarakat Berdasarkan Bidayah Al-Hidayah”. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(6) (2017): 846–57. doi:10.6007/IJARBS/v7-i6/3043.
- _____. “Pengaruh Pemikiran Akidah al-Ghazali dalam Kitab Jawi Tinjauan Terhadap Kitab al-Durr al-Nafis dan Sayr al-Salikin”. *Jurnal Usuluddin* 36 (2012): 21-48.
- _____. “Pengaruh Pemikiran Al-Ghazali (M. 505 H./1111 M.) Dalam Karya Syeikh Muhammad Nafis Bin Idris Al-

- Banjari: Analisis Terhadap Kitab Al-Durr Alnafis”. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* 23(1) (2012): 219–236.
- Mohd Ridwan Razali, Mohd Muhiden Abd Rahman dan Mohamad Azrien Mohamed Adnan. “Pelaksanaan Pengajian Ilmu Hadith dalam Mata Pelajaran Turath al-Sunnah Kurikulum al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab: Satu Penilaian Awal”. *Al-Rā’iq* 4(2) (2021): 1-33.
- Muhammad Ayman Al-Akiti & Zainul Abidin Abdul Halim. “Tinjauan Terhadap Ciri-ciri Tasawwuf dan Rujukan Utamanya dalam Dunia Melayu”. *Afkar* 23(1) (2021): 309-44. doi: 10.22452/afkar.vol23no1.9.
- Naremah Hameran, Mohd Mokhtar Muhamad, Umi Kaltom Abdul Manaf & Ady Hameme Nor Azman. “Pendidikan Melalui Mata Kanak-kanak Kita: Eksplorasi Kualitatif dalam Pelaksanaan Komponen Quranic dalam Kurikulum Ulul Albab”. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 8(4) (2019): 713-723. doi:10.6007/IJARPED/v8-i4/6695.
- Khalif Muammar A. Haris & Rizky Febrian. “Falsafah Islam Pasca-Ghazali dalam Tradisi Sunni dan Syi’ah”. *Afkar* 25(2) (2023): 459-498. doi: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no2.14>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016.
- _____. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath al-Quran dan al-Sunnah Tingkatan 4*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017.
- _____. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath al-Quran dan al-Sunnah Tingkatan 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018.
- _____. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Bahasa Arab Tingkatan 4*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017.
- _____. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Bahasa Arab Tingkatan 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018.

- _____. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 4*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017.
- _____. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah Tingkatan 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018.
- _____. *Pentaksiran Bilik Darjah*. Vol. Edisi ke-2. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019.
- Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia. “Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2023”. Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023.
- Shohana Hussin. “Kaedah Pendidikan Kerohanian Insan dalam Manuskrip Hidayah al-Salikin”. *Jurnal Sains Insani* 8(1) (2023): 64-70.
- _____. “Kitab Hidayah al-Salikin Karya al-Falimbani: Analisis Naskhah dan Kandungan”. *Jurnal Usuluddin* (39) (2014): 71-109.
- Saiful Rafizan Jamil & Mohamad Khairi Haji Othman. “Penilaian dan Cadangan Mengenai Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Bersepadu (KBT)”. *International Journal of Modern Education* 5(17) (2023): 455-66. doi:10.35631/IJMoe.517035.
- Umaruddin Nasution. “Integrasi Pemikiran Imam Al-Ghazali & Ivan Pavlov dalam Membentuk Perilaku Peserta Didik”. *Insania: Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan* 25(1) (2020): 103-113.
- Suhaimi Suhaimi. “Kandungan Pendidikan Akhlak dalam Kitab Bidayah al-Hidayah”. *Tadris: Jurnal Pendidikan Islam* 10(2) (2015): 282-295. doi:10.19105/tjpi.v10i2.830.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Norasmahani Nor Panitia, Nor Anisa Musa dan Mohd Syaubari Othman. “Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)”. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 4(2) (2020): 11-21.